

Dua belia ini baru-baru dinamakan sebagai antara 10 Anak Muda Cemerlang (TYOP) 2019 di Singapura. Anugerah itu dianjurkan Junior Chamber Singapore (JCI Singapore), yang berafiliasi dengan Junior Chamber International (JCI), sebuah pertubuhan latihan kepimpinan dan usahawan. Penerima Anugerah (Pujian) itu akan mewakili Singapura di peringkat antarabangsa dan bertanding dengan anak muda lain dari 100 negara. Ikuti wawancara bersama dua penerima anugerah itu – ahli akademik Dr Mustafa Izzuddin dan usahawan fintech Encik Mohamed Abbas Sheyed Ebramsa. Laporan oleh **NUR ADILAH MAHBUB** ([adilaham@sph.com.sg](mailto:adilaham@sph.com.sg))



**ANUGERAH ISTIMEWA:** Dr Mustafa Izzuddin merupakan anggota masyarakat Islam Dawoodi Bohra pertama di Singapura dan serata dunia untuk menerima anugerah 10 Anak Muda Cemerlang (TYOP) oleh Junior Chamber Singapore (JCI Singapore), yang berafiliasi dengan Junior Chamber International (JCI). – Foto BH oleh LIM YAOHUI

## Tabur bakti kepada masyarakat dalam ‘DNA’

SEMANGAT mahu berkhidmat kepada masyarakat mengalir kuat dalam darah ahli akademik Dr Mustafa Izzuddin.

Bapanya merupakan tokoh masyarakat Encik Izzuddin Taherally, Presiden Persatuan Persuratan Pemuda Melayu (4PM).

Baru-baru ini, Dr Mustafa, 39 tahun, pula dinamakan sebagai antara 10 Anak Muda Cemerlang (TYOP) di Singapura.

“Tanpa beliau memasukkan saya dalam tadika 4PM dan membawa saya ke acara 4PM, saya tidak akan git seperti sekarang ini dalam menyumbang kepada masyarakat dan negara.

“Beliau ikon inspirasi bukan sahaja kepada saya, bahkan yang lain yang berkhdmat kepada masyarakat dengan penuh ikhlas dan dedikasi,” ujar Dr Mustafa, Zamil Penyelidikan Institut Pengajian Asia Selatan di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Anugerah tersebut dianjurkan Junior Chamber Singapore (JCI Singapore), yang berafiliasi dengan Junior Chamber International (JCI), sebuah pertubuhan latihan kepimpinan dan usahawan.

Anugerah itu mengiktiraf kepimpinan Dr Mustafa dalam bidang sukarela serta khidmat masyarakat selama lebih 20 tahun sejak beliau berusia 16 tahun.

Dr Mustafa mula berjinak-jinak dalam khidmat masyarakat dengan memberi tuisyen kepada keluarga bergaji rendah di bawah program mingguan 4PM.

Beliau kemudian menjadi pengurus Projek bITE atau Bestari ITE di 4PM yang menjaga kebajikan pelajar Institut Pendidikan Teknikal (ITE).

Dr Mustafa juga pernah terlibat dalam Alumni Pemenang Anugerah Emas Anugerah Pencapaian Belia Nasional (NYAA GAHA), Majlis Belia Kebangsaan dan kemudian dalam Kelab Mendaki.

Hingga sekarang, beliau masih duduk dalam lembaga pengurusan 4PM sebagai Naib Presiden, lembaga pengarah Yayasan Mendaki, serta menyelia hubungan awam bagi Masjid Burhani Dawoodi Bohra di City Hall.

“Usah hilang semangat idealisme belia kerana ia boleh mencetus perubahan, menyeru pemerintah memikirkan semula dasar, dan menjadi dunia lebih mampan. Jadilah duta bagi negara anda, dan lindungi kepentingan negara anda. Apa yang anda terima, sumbangkan kembali.”

– **Dr Mustafa Izzuddin, Zamil Penyelidikan Institut Pengajian Asia Selatan di Universiti Nasional Singapura (NUS).**

Dr Mustafa juga pernah mewakili Singapura di sidang rantaui dan antarabangsa, termasuk sebagai pemimpin belia di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

“Sumbangan saya dilakukan secara tahap demi tahap di peringkat setempat, nasional, dan kemudian serantau dan antarabangsa.

“Pengalaman setiap peringkat amat bernilai sekali,” katanya, yang juga kerap dipetik di media bagi pandanganinya mengenai perkembangan politik setempat dan serantau.

Beliau menganggap anugerah TYOP itu sebagai satu pengiktirafan kepada 4PM juga yang telah memberi kesan positif kepada dirinya.

Beliau juga mengharap anugerah itu akan mencetus inspirasi kepada belia lain untuk menyumbang kepada masyarakat.

Selain itu, anugerah tersebut istimewa buat Dr Mustafa kerana beliau merupakan anggota masyarakat Islam Dawoodi Bohra pertama di Singapura dan serata dunia untuk menerima anugerah itu.

Dawoodi Bohra merupakan masyarakat Islam Gujarati India, ramai daripada mereka yang merupakan pedagang.

Terdapat sekitar 800 anggota masyarakat itu di Singapura, dan 1.5 juta anggota sedunia.

Sementara itu, Dr Mustafa berpesan kepada belia untuk mengekalkan semangat idealisme mereka.

“Usah hilang semangat idealisme belia kerana ia boleh mencetus perubahan, menyeru pemerintah memikirkan semula dasar, dan menjadi dunia lebih mampan.

“Jadilah duta bagi negara anda, dan lindungi kepentingan negara anda. Apa yang anda terima, sumbangkan kembali,” ujar Dr Mustafa.

Bagi beliau sendiri, beliau telah menderma hadiah tunai untuk mengiktiraf pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, bahkan menyumbang kepada masyarakat. Dua hadiah itu ialah Hadiah Izzuddin Taherally di Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Hadiah Mustafa Izzuddin di Universiti Pengurusan Singapura (SMU).